

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB CHONG CHIENG JEN (STAMPIN)**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [ STAMPIN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan kewarganegaraan dari penduduk di negeri Sarawak yang telah diluluskan dalam tahun 2019, 2020 dan 2021 dan berapa permohonan yang masih belum diluluskan oleh Kementerian. Apakah langkah yang akan diambilkan oleh Kerajaan untuk mempercepatkan kelulusan permohonan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia Perlembagaan Persekutuan bagi semua perkara untuk Negeri Sarawak dari tahun 2019 hingga 25 Ogos 2021 adalah sebanyak 644 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2 pemohon telah dianugerahkan kewarganegaraan dan sebanyak 602 permohonan masih di dalam proses. Setiap permohonan kewarganegaraan akan diteliti fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh setiap pemohon mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Kementerian sedang melaksanakan tindakan segera secara berperingkat terhadap semua permohonan kewarganegaraan yang diterima dan sentiasa berusaha untuk memudahcara permohonan berkenaan selagi ia selaras dengan perundangan yang berkuat kuasa.